



Apakah yang patut anda lakukan sekiranya keganasan rumah tangga berlaku?

Jangan masuk campur dalam masalah ibubapa

Jauhkan diri anda daripada ibubapa semasa pertengkaran berlaku supaya anda tidak tercedera. Adalah baik jika anda dan adik-beradik anda berlindung bersama di tempat yang selamat sehingga keganasan berhenti.

Beritahu ibubapa mengenai perasaan anda

Biar ibubapa tahu anda berasa sedih dan keliru disebabkan pertengkaran mereka. Ini akan menolong ibubapa memahami perasaan anda.

Beritahu orang yang anda percayai mengenai keganasan yang berlaku

Jangan simpan rahsia tersebut khasnya jika anda takut seseorang akan tercedera. Adalah lebih baik jika anda memberitahu seseorang yang anda percayai seperti keluarga anda, nenek, datuk, pakcik atau makcik anda. Mereka mungkin dapat menolong anda untuk memahami situasi yang berlaku dalam keluarga.

Siapakah yang boleh membantu anda?

Selain daripada ahli keluarga yang dipercayai, anda juga boleh memberitahu guru, kaunselor sekolah atau jiran anda sekiranya keganasan berlaku di rumah.

Mereka akan berbincang dengan anda mengenai masalah tersebut dan membantu anda menghadapi situasi tersebut. Sekiranya keganasan semakin serius, mereka boleh membantu anda mendapatkan pertolongan.

Jangan putus asa. Pasti ada orang yang dapat membantu anda.

Anda boleh hubungi:

- **Talian Kasih:** 15999 / 019-261 5999 (WhatsApp)
- **WCC:** 04-228 0342 / 011-3108 4001
- **PPW:** 04-398 8340 / 016-439 0698
- **Helpline 4 u:** www.help4u.org.my
- **P.S. the children :** 016-721 3065

Rekaan oleh Adrian Cheah & Catherine Tan, Neo Sentuhan Sdn Bhd



Rasa Selamat di Rumah



Women's Centre for Change (WCC)
241 Jalan Burma, 10350 Penang
T: 04-228 0342 / 011-3108 4001
E: wcc@wccpenang.org
W: www.wccpenang.org

TAJAJAN:



Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW)
13 Lorong Sutera 6, Taman Sutera,
13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang.

T: 04-398 8340 / 016-439 0698

E: ppw@wccpenang.org

Pertengkaran dan salah faham antara ibubapa adalah perkara biasa. Apabila ia berlaku, anda perlu beredar dari situ kerana ia akan reda dengan sendirinya. Ibubapa akan kembali seperti sediakala.

Kadangkala pertengkaran menjadi lebih teruk dan bahaya. Ia adalah salah. Situasi ini disebut **keganasan rumah tangga**. Ini berlaku apabila seorang ahli keluarga mendera seorang ahli keluarga yang lain.

Apakah itu penderaan?

Penderaan biasanya adalah keganasan secara fizikal seperti memukul, menendang, menumbuk atau menyakiti orang lain dengan apa cara sekali pun.

Penderaan lain adalah penderaan emosi. Contohnya, ayah memarahi ibu dengan kata-kata kesat, menengking atau mengugut untuk mencederakannya dan menyebabkan ibu berasa takut.

Mengawal pergerakan seseorang juga adalah satu bentuk penderaan. Contohnya, ayah menghalang ibu keluar dari rumah.

Mengapakah penderaan berlaku?

Penderaan berlaku apabila salah seorang daripada ibubapa menghadapi masalah dan berlakunya pertengkaran. Pendera menjadi terlalu marah dan bertindak ganas. Pendera berasa berhak untuk memukul atau mengawal ahli keluarga lain kerana tidak gembira mengenai sesuatu perkara.



Pendera tahu bahawa ahli keluarganya tidak akan memberitahu orang lain mengenai perkara tersebut. Ini akan menyebabkan penderaan berterusan. Penderaan tidak patut berlaku dalam apa juga keadaan. **Keganasan adalah salah.**

Bagaimana anda mengenalpasti pertengkaran yang berunsur penderaan?

Setiap orang mempunyai suara hati. Suara hati dapat memberitahu kita sekiranya berlaku sesuatu yang tidak betul. Sekiranya anda melihat ibubapa bertengkar, cuba kenalpasti perasaan anda. Anda mungkin berasa:

- Susah hati** bimbang perkara buruk berlaku dan ada orang yang tercedera.
- Marah** kepada ayah dan ibu kerana berkelakuan demikian.
- Sedih** di atas apa yang berlaku dalam keluarga.
- Takut** melihat pergaduhan mereka, jantung anda berdebar dan takut ada orang tercedera.
- Benci** pada apa yang berlaku pada anda.
- Menyalahi diri sendiri** berasa anda menjadi punca ibubapa bertengkar.

Sekiranya anda berasa selamat semasa pertengkaran berlaku, maka pertengkaran tersebut bukan berunsur penderaan.

Di dalam sebuah keluarga, perlu ada kasih sayang dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Ini bermakna apabila berlakunya pertengkaran di dalam keluarga, ahli keluarga sepatutnya boleh menyelesaikan pertengkaran tanpa menggunakan keganasan.

Tetapi, jika anda berasa sedih dan takut, maka pertengkaran tersebut mungkin berunsur keganasan dan membahayakan.

Keganasan bukan salah anda

Keganasan dalam keluarga boleh berlaku kepada sesiapa sahaja, tidak kira samada anda dari golongan kaya atau miskin, Cina, India atau Melayu. **Anda tidak keseorangan.** Ramai kanak-kanak lain juga menghadapi keganasan seperti anda.

Ingatlah, keganasan yang berlaku bukannya salah anda. Sebagai kanak-kanak, anda berhak berasa selamat dalam rumah sendiri. Merahsiakan keganasan yang berlaku tidak akan menyelesaikan masalah. Oleh itu, adalah lebih baik jika anda memberitahu seseorang yang boleh dipercayai mengenainya.



Kenapa keganasan dalam keluarga adalah salah?

Keganasan dalam keluarga adalah salah kerana ahli keluarga telah didera. Seseorang tidak berhak mendera orang lain walaupun sedih dan marah mengenai sesuatu. Setiap masalah perlu diselesaikan dengan berbincang bersama ahli keluarga.